

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : NOVEMBER – DISEMBER 2021**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) yang sudah mencapai kapasiti maksimum. Adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang baru.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara terutama kemampuan MAHB untuk membiayai projek Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa sehingga tahun 2025 untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara.

Berdasarkan perkembangan terkini dan kekurangan permintaan dalam industri penerbangan negara, projek ini akan ditangguhkan sehinggalah industri penerbangan dipulihkan. Untuk tempoh ini, Kerajaan sedang menyelesaikan beberapa isu termasuk pengambilan tanah bagi membolehkan projek naiktaraf LTAPP dilaksanakan setelah industri penerbangan pulih.

Pada masa yang sama, bagi memastikan keperluan pembangunan jangka panjang lapangan terbang/ padang terbang di Malaysia berdasarkan keperluan industri semasa mengambil kira impak COVID-19 dan keperluan sistem jaringan kesalinghubungan pengangkutan negara, Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang akan bermula pada penghujung tahun 2021 dan dijangka akan dimuktamadkan pada pertengahan tahun 2023.

Buat masa ini, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk membina lapangan terbang baharu bagi menggantikan LTAPP selagi had kapasiti maksimum pembangunan lapangan terbang tersebut yang dianggarkan boleh menampung sehingga 25 juta penumpang setahun tidak dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L**  
**RAJAJI [JELUTONG]**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu Kerajaan Negeri dari aspek pinjaman kewangan ataupun aspek kepakaran untuk membina Sistem Transit Aliran Ringan atau Light Railway Transit (LRT) di Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi Kerajaan Persekutuan dalam membiayai projek-projek berimpak tinggi kepada rakyat seperti Sistem Transit Aliran Ringan atau *Light Railway Transit* (LRT), *Mass Rapid Transit* (MRT), Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) dan lain-lain perlu diteliti sebaik mungkin kerana ianya akan meningkatkan komitmen kewangan Belanja Mengurus (OE) dan Belanja Pembangunan (DE) Kerajaan. Oleh itu, adalah wajar Kerajaan menghadkan *exposure* dengan menyusun semula projek mengikut keutamaan.

Secara prinsipnya, peruntukan bagi membiayai projek-projek pembangunan perlu dipohon di bawah perbelanjaan pembangunan (DE) yang akan diteliti dan diputuskan sama ada ada secara geran ataupun pinjaman di dalam *Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Lima Tahun

(RMLT) oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM). Oleh yang demikian, cadangan untuk membina LRT di Pulau Pinang perlu dikemukakan untuk pertimbangan EPU, JPM terlebih dahulu.

Dasar pemberian pinjaman Kerajaan Persekutuan adalah untuk membiayai projek-projek strategik berkepentingan nasional selaras dengan Dasar Pembangunan Negara. Selain itu, dasar pemberian pinjaman Kerajaan Persekutuan juga adalah untuk membiayai projek-projek yang memberi faedah/ kesan berganda kepada rakyat atau kumpulan sasar serta membiayai projek-projek yang berdaya maju, berupaya menjana hasil atau pulangan yang setimpal dan mempunyai aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik pinjaman.

Dari aspek kepakaran sama ada teknikal mahupun khidmat nasihat kewangan, Kerajaan Persekutuan bersedia bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN  
YAHAYA [ TASIK GELUGOR ]**

**SOALAN**

**DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik warga emas melebihi 60 tahun di seluruh negara dan apakah persediaan bagi Malaysia menjadi Negara Mewah pada 2030.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Warga emas di Malaysia merujuk kepada mereka yang berumur 60 tahun dan lebih, iaitu menggunakan definisi semasa Perhimpunan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu yang pertama mengenai penuaan di Vienna, pada tahun 1982. Mengikut unjuran PBB (2009), Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila 15 peratus daripada jumlah penduduk adalah warga emas berumur 60 tahun ke atas.

Pada tahun 2010, Banci Penduduk menunjukkan terdapat seramai 2.25 juta warga emas iaitu 7.9 peratus daripada 28.3 juta orang penduduk. Daripada jumlah tersebut, seramai 1.11 juta orang atau 49.0 peratus adalah lelaki dan 1.14 juta orang (51.0%) adalah wanita. Dijangkakan pada tahun 2030, angka ini akan meningkat sekali ganda kepada 5.82 juta warga emas bersamaan 15.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia sekali gus mencapai status Negara Tua.

Antara inisiatif dan persediaan yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan golongan warga emas kekal sejahtera dan dapat menyumbang kepada proses pembangunan negara adalah seperti berikut:

- i. **Dasar Warga Tua Negara** yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang diguna pakai pada tahun 1998 telah dikaji semula. Susulan ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara telah dirangka dan diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011. Dasar ini berasaskan kepada pendekatan pembangunan modal insan sepanjang hayat dengan memberi tumpuan kepada aspek persediaan, pencegahan dan pengukuhan, selain mengambil kira keperluan mendayaupayakan golongan warga emas.
- ii. **Dasar Keluarga Negara** yang telah diluluskan pada tahun 2010 mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan sosioekonomi bagi melahirkan generasi berkualiti. Pelan tindakan dasar ini mempunyai tiga teras strategi, iaitu:
  - a. Meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan sosioekonomi;
  - b. Memastikan undang-undang, dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan mengutamakan perspektif keluarga; dan
  - c. Menyedia dan memastikan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga mudah diakses atau dicapai.
- iii. **Dasar Kesihatan Warga Emas** telah dibentuk pada tahun 2008 untuk mencapai tahap kesihatan yang optima bagi warga emas melalui perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya, yang menyeluruh dan bersepada. Strategi-strategi yang ditekankan dalam dasar ini ialah:

- a. Promosi kesihatan
  - b. Menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan berkesinambungan
  - c. Perancangan dan pembangunan sumber manusia
  - d. Sistem rangkaian maklumat
  - e. Penyelidikan dan pembangunan
  - f. Kerjasama antara agensi dan sektor
  - g. Perundangan
- iv. **Rangkaian Penyelidikan Penuaan Peringkat ASEAN** telah dimeterai dengan 10 blok negara ASEAN pada 2018 bagi mencapai 3 objektif iaitu mewujudkan satu rangkaian pakar bidang penuaan di peringkat ASEAN; mengenal pasti bidang keutamaan penyelidikan dalam bidang penuaan; seterusnya membangunkan satu kerangka dokumentasi protokol data penyelidikan yang seragam peringkat ASEAN. Projek ini sedang dibangunkan di peringkat akhir dan kerjasama seumpama ini adalah platform yang ideal bagi negara anggota ASEAN untuk berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik dalam bidang penuaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAJA  
[TASEK GELUGOR]**

**SOALAN**

**DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAJA [TASEK GELUGOR]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana kejayaan program inap desa yang dijalankan selama ini dan apakah langkah yang diambil bagi menggalakkan lebih banyak lokasi dijadikan inap desa (homestay).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Inap Desa atau nama rasmi bagi program ini adalah Program Pengalaman Homestay Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 1995 bertujuan untuk menggalakkan penyertaan komuniti luar bandar untuk menceburi sektor pelancongan dengan menawarkan produk-produk atau perkhidmatan pelancongan berdasarkan komuniti (*community based tourism*) kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.
2. Sejak mula diperkenalkan, program ini telah berjaya menarik minat seramai 3,060 orang untuk berdaftar sebagai pengusaha di bawah program ini. Ini kerana, pelaksanaan program ini dilihat dapat membantu menjana pendapatan pengusaha yang terlibat seterusnya menaiktaraf kehidupan mereka untuk menjadi lebih baik. Statistik pendapatan yang diperoleh dari tahun 2018 hingga 2021 adalah seperti berikut:

TAHUN	PENDAPATAN
2018	RM 27,637,074.00
2019	RM 29,662,211.60
2020	RM 9,124,122.66
2021 (sehingga 31 Ogos 2021)	RM 2,245,176.14

3. Kejayaan program inap desa ini dapat dilihat melalui pencapaian dan pelbagai pengiktirafan diperingkat antarabangsa oleh Kementerian seperti berikut:

- (i) Penarafan UNWTO *Ulysses Award for Innovation in Public Policy and Governance* pada tahun 2012;
- (ii) Pencalonan ke peringkat suku akhir bagi *Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM) International Innovations Award* pada tahun 2014;

- (iii) Penarafan ASEAN Homestay Standard bagi beberapa kluster homestay (inap desa);
  - (iv) Malaysia telah dipilih untuk menjadi peneraju dalam pembangunan ASEAN Homestay Standard dikalangan negara-negara ASEAN; dan
  - (v) Salah satu peserta program ini iaitu Kampung Batu Puteh di Kinabatangan, Sabah menjadi salah sebuah daripada 44 kampung daripada 32 buah negara yang telah menerima anugerah *Best Tourism Villages by UNWTO*. Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada destinasi pelancongan luar bandar yang berjaya mencerminkan pelbagai aspek kemampanan, selaras dengan kerangka *UN Agenda 2030* dan *Sustainable Development Goals* (SDGs).
4. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa berusaha menggalakkan lebih banyak lokasi untuk dijadikan sebagai kawasan inap desa dengan mengambil pelbagai langkah, antaranya:
- (i) Menambahbaik garis panduan pendaftaran program ini bagi memudahkan pendaftaran kepada mereka yang berminat dan selaras dengan permintaan semasa industri pelancongan;
  - (ii) Pelaksanaan sesi libat urus bersama komuniti setempat bagi menggalakkan penubuhan kluster-kluster homestay (inap desa) yang baru; dan
  - (iii) giat mempromosikan Program Pengalaman Homestay Malaysia di peringkat antarabangsa dan kelebihannya kepada komuniti luar bandar melalui agensi di bawah MOTAC iaitu *Tourism Malaysia*

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
(TASEK GELUGOR)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi membetulkan fakta sejarah seperti tokoh yang membuka Pulau Pinang atau nama asal sesuatu tempat yang diajar kepada murid sekolah seperti yang dicadangkan oleh tokoh-tokoh sejarah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggubalan kurikulum Sejarah adalah berasaskan standard kurikulum kebangsaan, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kandungan kurikulum ini diterjemahkan dalam Buku Teks Sejarah secara khusus dari segi nama tokoh, tempat, peristiwa, masa dan lain-lain mengikut garis masa peristiwa sejarah negara.

Fakta sejarah dalam Buku Teks Sejarah ini telah diteliti, disemak dan dikawal mutu kesahihannya oleh Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah KPM. Panel ini terdiri daripada pensyarah sejarah yang mempunyai kepakaran daripada pelbagai latar belakang disiplin ilmu sejarah, akademik, universiti dan kaum. Panel pakar ini telah memastikan fakta sejarah negara dalam penulisan Buku Teks Sejarah KPM adalah

## **SOALAN NO : 362**

tepat dan benar berdasarkan sumber dan bahan sejarah yang sebenar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit 2 bertajuk “Asal Usul Negeriku” dalam Buku Teks KSSR Sejarah Tahun 6 terbitan tahun 2015 yang masih digunakan sehingga kini, menyentuh tentang nama asal usul sesuatu tempat. Fakta sejarah seperti tokoh yang membuka Pulau Pinang tidak dinyatakan dalam penulisan tersebut kerana asal usul nama Pulau Pinang dikaitkan dengan pokok pinang yang banyak tumbuh di pulau tersebut.

Buku Teks KSSR Sejarah Tahun 6 ini akan digantikan dengan buku teks terbitan baharu KSSR (Semakan 2017) mulai tahun 2022. Buku teks ini menceritakan asal usul nama negeri di Malaysia, termasuk nama asal Pulau Pinang (Pulo Ka Satu) yang dikaitkan dengan buah pinang yang merupakan bahan dagangan penting ketika itu.

Bagi Buku Teks KSSM Sejarah Tingkatan 3, nama tokoh yang membuka Pulau Pinang tidak dinyatakan secara spesifik kerana tiada sebarang catatan sejarah negara tentang tokoh yang membuka Pulau Pinang yang telah disahkan oleh badan berautoriti. Buku teks tersebut menyatakan telah ada masyarakat yang menduduki di Pulau Pinang lebih awal sebelum kedatangan Francis Light pada tahun 1786.